A **NOR ALIP MOHD KHANDAR**

lwn.

PP

B MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMAD MAAROP HMR
CLEMENT SKINNER HMR
MOHAMED APANDI ALI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: J-05-157-2009]
C 21 DISEMBER 2011

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B - Pengedaran - Mengedar 14,900g kanabis - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Pendekatan hakim bicara tidak*
D *dinyatakan dalam ucapan pembukaan pendakwaan - Ucapan pembukaan menyebut aktiviti jualan, tiada isu milikan - Perayu disabitkan bawah s. 37(da) - Sama ada sabitan suatu prejudis atau ketidakadilan terhadap perayu*

E ***KETERANGAN:*** *Ejen perangkap - Kredibiliti keterangan - Kelakuan buruk saksi - Sama ada menjejaskan kredibiliti saksi - Sama ada melemahkan kes pendakwaan*

KETERANGAN: *Saksi - Kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil saksi - Sama ada kegagalan memanggil saksi-saksi*
F *melemahkan kes pendakwaan*

Bertindak atas maklumat yang diterima, D/Kpl Chew Kooi Hwa ('SP5') telah menyamar sebagai seorang pembeli dadah dan bertemu dengan 'Botak' ('perayu') di sebuah restoran. Mereka
G kemudiannya mencapai persetujuan bagi jumlah dan cara-cara serta tempat penyerahan dadah-dadah tersebut. Seperti yang dijanjikan, SP5 telah bertemu semula dengan perayu dan dua orang lagi pada 2 Ogos 2002 bertempat di kawasan rehat Plaza Tol Skudai. Perayu membawa bersama dengannya dua buah beg dan setelah
H menjalankan pemeriksaan di dalam kedua-dua beg tersebut, SP5 mendapati ia mengandungi ketulan-ketulan mampat daun kering yang disyaki kanabis. Atas isyarat oleh SP5, dua kenderaan pasukan serbuan yang sudah bersedia menunggu, telah menyerbu kawasan tersebut namun hanya perayu sahaja yang berjaya
I diberkas manakala yang dua lagi berjaya melepaskan diri. Pemeriksaan selanjutnya oleh SP7 mendapati bahawa terdapat 15 ketulan mampat daun kering yang kemudiannya disahkan oleh

laporan kimia sebagai 14,900g dadah jenis kanabis. Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi kerana mengedar dadah, suatu kesalahan di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Oleh itu rayuan ini oleh perayu. Dalam rayuan ini, isu-isu yang timbul adalah: (i) sama ada pendekatan hakim bicara kepada suatu asas yang tidak dinyatakan dalam ucapan pembukaan adalah suatu prejudis atau ketidakadilan terhadap perayu; (ii) kredibiliti keterangan SP5; dan (iii) sama ada kegagalan pihak pendakwaan memanggil dua orang saksi material telah menyebabkan kelompangan serius pada kes pendakwaan.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi)
Oleh Mohamed Apandi Ali HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Ucapan pembukaan oleh pihak pendakwaan memenuhi kehendak s. 179(1) Kanun Acara Jenayah. Perkataan-perkataan 'membekalkan' dan 'transaksi penyerahan dadah' ada disebut dalam perenggan ketiga ucapan pembukaan. Perkataan-perkataan tersebut menjelaskan tindakan-tindakan yang tergolong dalam kegiatan mengedar di bawah definisi s. 2 ADB. Beberapa perkataan dalam takrif pengedaran akan dengan sendirinya menyentuh elemen pemilikan. 'Membekalkan' dan 'transaksi penyerahan dadah' adalah tindakan-tindakan yang melibatkan isu dan elemen pemilikan kerana tanpa milikan, aktiviti tersebut tidak boleh dilakukan. Pendekatan yang diambil oleh hakim bicara berkaitan elemen pemilikan dan anggapan di bawah s. 37(da) ADB tidak memprejudiskan perayu. (perenggan 7-10)

(2) Keterangan SP5 sebagai ejen perangkap boleh diterima di bawah s. 40A ADB. Persoalan kredibiliti saksi seharusnya dibuat semasa soal balas saksi tersebut, seperti yang diperuntukkan di bawah ss. 132 dan 146 Akta Keterangan 1950. Penilaian kebolehpercayaan saksi boleh dibuat oleh hakim bicara yang melihat dan mendengar keterangan. Oleh itu, isu kelakuan jahat SP5 adalah tidak relevan dan tidak bermerit. (perenggan 13)

(3) Kegagalan memanggil saksi-saksi tidak menjejaskan kes pendakwaan kerana ia berlandaskan transaksi jual-beli dadah yang dibekalkan oleh perayu. Terdapat cukup keterangan bahawa dadah yang dibekalkan berada di dalam kereta yang

A dipandu oleh perayu semasa kejadian tersebut. Keterangan pegawai penyiasat jelas menunjukkan bahawa saksi pertama tidak dipanggil kerana tidak dapat dikesan. Saksi kedua pula telah ditawarkan kepada pihak pendakwaan iaitu saksi No. 4 daripada 13 saksi-saksi yang ditawarkan namun pihak
B pembelaan menolak tawaran tersebut dan kesemua saksi-saksi dilepaskan. Tiada rekod yang menunjukkan saksi-saksi tidak wujud atau timbul apa-apa isu mengenai kewujudan mereka ketika kesemua mereka ditawarkan. (perenggan 17-18)

C ***Bahasa Malaysia*** *Translation Of Headnotes*

Acting on the information received, D/Cpl Chew Kooi Hwa ('SP5') impersonated himself as a drug buyer and met 'Botak' ('the appellant') at a restaurant. An agreement was reached by the parties regarding the amount and method as well as the venue for
D delivery of the drugs. As promised, SP5 met the appellant and two others on 2 August 2002 at the Skudai Toll Plaza rest area. The appellant brought with him two bags and upon inspection of both bags, SP5 found that it contained compressed slabs of dried leaves suspected to be cannabis. Upon a signal by SP5, two vehicles
E comprising an ambush party which was readily waiting, raided the area but only the appellant was arrested while the other two managed to flee the scene. Further inspection by SP7 revealed that there were 15 slabs of compressed dried leaves which were later confirmed by a chemical analysis report as 14,900g of
F cannabis. The appellant was convicted and sentenced to death by the High Court for drug trafficking, an offence under s. 39B of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). Hence this appeal by the appellant. In the present appeal, the issues that arose were: (i) whether the trial judge's approach to a ground that was not
G mentioned in the prosecution's opening speech, a prejudice or injustice to the appellant; (ii) the credibility of SP5's evidence; and (iii) whether the prosecution's failure to call two material witnesses resulted in a serious *lacunae* of the prosecution's case.

H **Held (dismissing the appeal; affirming conviction and sentence of the High Court)**
Per Mohamed Apandi Ali JCA delivering the judgment of the court:

I **(1)** The opening speech of the prosecution satisfied the requirements of s. 179(1) of the Criminal Procedure Code. The words 'membekalkan' and 'transaksi penyerahan dadah'

were mentioned in the third paragraph of the opening speech. Those words clearly illustrated actions that fell within the ambit of trafficking activities defined under s. 2 of the DDA. Some of the words in the definition of trafficking would eventually touch on the element of possession. 'Membekalkan' and 'transaksi penyerahan dadah' were actions that involved the issue and element of possession since without possession, the activity could not be carried out. The approach adopted by the trial judge in relation to the elements of possession and assumption under s. 37(da) DDA did not prejudice the appellant.

(2) The evidence of SP5 as an agent provocateur was admissible under s. 40A ADB. The question of the credibility of a witness should have been posed during cross-examination of the witness, as prescribed by ss. 132 and 146 of the Evidence Act 1950. The assessment of the witness can be made by the trial judge who saw and heard the evidence. Hence, the issue of SP5's bad character were irrelevant and devoid of merit.

(3) The failure to call witnesses did not affect the prosecution's case because it was based on the sale and purchase transaction of drugs supplied by the appellant. There was sufficient evidence that the drug was supplied in a car driven by the appellant during the incident. The evidence of the investigating officer clearly showed that the first witness was not called because he could not be traced. The second witness, who was witness No. 4, was offered to the prosecution out of the 13 witnesses offered but the defence rejected the offer and all witnesses were released. No records showed that the witnesses did not exist nor did the issue of their existence arise when they were all offered.

Kes-kes yang dirujuk:

Abdullah Zawawi Omar v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC ***(dirujuk)***

Mohd Johi Said & Anor v. PP [2005] 1 CLJ 389 CA ***(dirujuk)***

PP v. Sa'ari Jusoh [2007] 2 CLJ 197 FC ***(dirujuk)***

Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, s. 60

Criminal Procedure Code, ss. 179(1), 422

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(da), 39B(1)(a), (2), 40A

Evidence Act 1950, ss. 132, 146

A *Bagi pihak perayu - Hisyam Teh Poh Teik; T/n Poh Teik & Co*
Bagi pihak responden - Najib Zakaria TPR

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP lwn. Nor Alip Mohd Khandar [2009] 1 LNS 612.]

B *Dilaporkan oleh Najib Tamby*

PENGHAKIMAN

C **Mohamed Apandi Ali HMR:**

[1] Pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 2hb Ogos 2002, jam lebih kurang 9.30 malam di Kawasan Rehat Tol Skudai, Lebuh Raya Utara Selatan,
D Skudai, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim telah mengedar dadah berbahaya iaitu 14,900 gram Cannabis, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

E **[2]** Rayuan perayu adalah terhadap sabitan di atas kesalahan mengedar dadah berbahaya, di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan hukuman mati mandatori di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Sabitan kesalahan tersebut dalam kes ini ialah pada asasnya hasil daripada keterangan penyamar sulit (agent
F provocateur) di bawah s. 40A Akta tersebut.

[3] Mahkamah ini telah menolak rayuan perayu dan telah mengesahkan sabitan dan hukuman yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Malaya, Johor Bahru. Sekarang kami
G perturunkan alasan keputusan tersebut.

Fakta Kes

[4] Fakta kes ini telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman di dalam alasan
H penghakimannya. Kami tidak bercadang untuk mengulangi kesemua yang ditulis oleh hakim bicara, tetapi untuk mendapat gambaran fakta kes, kami akan petik sebahagian daripada huraian yang ditulis oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, khususnya dari para. 5 hingga 7 alasan penghakimannya, yang berbunyi seperti berikut:
I

5. Kes pihak pendakwaan tertumpu kepada 4 orang saksi yang utama iaitu saksi-saksi SP1, SP2, SP5 dan SP7. Saksi SP5 merupakan saksi yang paling penting bagi pihak pendakwaan. Beliau adalah merupakan penyamar sulit yang menyamar sebagai pembeli dadah. Pada 1/8/2002, SP5 telah diarahkan oleh DSP Hanafi bin Daud untuk bertindak sebagai penyamar sulit dalam satu transaksi jual-beli dadah jenis ganja. Pada 2/8/2002 jam lebih kurang 9.00 pagi, SP5 telah menghadiri satu taklimat bersama-sama beberapa anggota yang lain. Taklimat tersebut telah diberikan oleh saksi SP7 selaku Ketua Pasukan Serbuan polis. Dalam taklimat tersebut, SP5 telah menerima arahan untuk bertemu dengan sumber di Restoran Bistari, di Taman Ungku Tun Aminah, Johor Bahru (restoran tersebut). Pada hari yang sama jam lebih kurang 3.00 petang, SP5 telah pergi ke Restoran Bistari tersebut serta telah bertemu dengan sumber di sana. Sumber adalah seorang lelaki berbangsa Cina. Setibanya di restoran tersebut, SP5 dapat melihat SP7 serta anggota pasukan serbuan yang lain telah sedia berada di hadapan restoran tersebut di dalam sebuah kereta Perodua Kanchil. SP5 telah duduk di sebuah meja di dalam restoran tersebut, padangan beliau ke arah luar restoran tersebut. SP5 seterusnya menyatakan bahawa lebih kurang pada jam 4.00 petang, beliau melihat sebuah kereta jenis Proton Wira dengan nombor pendaftaran JDT 3238 yang dinaiki oleh 2 orang lelaki Melayu telah datang dan 'parking' di hadapan restoran tersebut. Kedua-dua lelaki Melayu tersebut kemudian keluar dari kereta dan terus menuju ke meja di mana saksi dan sumber berada. Salah seorang lelaki Melayu itu kemudiannya dicamkan oleh saksi sebagai OKT dalam mahkamah ini. SP5 menyatakan bahawa OKT adalah orang yang memandu Proton Wira JDT 3238 semasa kereta itu datang ke restoran tersebut. Seterusnya, SP5 menyatakan bahawa sumber telah memperkenalkan OKT kepada beliau sebagai "Botak". Saksi seterusnya menyatakan bahawa beliau telah mengadakan perbincangan mengenai jual-beli dadah jenis ganja dengan OKT di mana pada mulanya OKT menawarkan untuk menjual ganja kepada SP5 dengan harga RM1,300.00 bagi setiap kilogram. Telah berlaku tawar menawar di mana akhirnya OKT bersetuju untuk menurunkan harga kepada RM1,250.00 bagi sekilogram ganja dan cara transaksi itu adalah secara 'kiri-kanan' iaitu serahan ganja dan bayaran harga pada masa yang sama. SP5 telah meminta untuk dibekalkan sebanyak 15 kilogram ganja daripada OKT. OKT telah bersetuju untuk membekalkan 15 kilogram ganja tersebut kepada SP5 dan OKT juga telah menetapkan tempat serahan adalah di Kawasan Rehat Plaza

Tol Skudai pada hari yang sama, 2/8/2002 jam lebih kurang 9.30 malam. Setelah persetujuan tersebut dimuktamadkan dan setelah OKT dan rakannya beredar dari restoran tersebut, SP5 telah kembali ke pejabat dan memberikan taklimat ringkas kepada SP7 mengenai tempat dan masa serah menyerah ganja akan dilakukan.

6. Pada 2/8/2002 jam lebih kurang 6.30 petang, SP5 telah bergerak ke tempat sasaran iaitu di tempat letak kereta kawasan rehat Plaza Tol Skudai dan sampai di sana kira-kira jam lebih kurang 7.30 malam. Tiba di tempat sasaran tersebut, SP5 mendapati saksi SP7 serta anggota-anggota serbuan telah bersedia di tempat masing-masing di dalam dua buah kenderaan iaitu Perodua Kanchil dan Proton Perdana. Lebih kurang jam 9.30 malam SP5 melihat kereta Proton Wira No. JDT 3238 melintasi kereta beliau dan berhenti di hadapan dalam jarak 50 meter. SP5 nampak pemandu kereta Proton Wira tersebut iaitu OKT dalam kes ini telah keluar dari kereta, berdiri sambil memerhati kawasan sekeliling. Saksi kemudian melambaikan tangan beliau ke arah OKT dan OKT terus masuk semula ke dalam kereta Proton Wira tersebut lalu mengundur dan meletakkan kereta tersebut betul-betul di hadapan kereta SP5. Selain dari kereta Proton Wira yang dipandu oleh OKT tersebut, SP5 juga nampak ada sebuah motosikal turut datang bersama dan diletakkan di hadapan kereta Proton Wira JDT 3238 tersebut. Setelah itu, SP5 melihat OKT keluar dari kereta. Turut keluar dari kereta tersebut seorang penumpang yang duduk di sebelah kiri pemandu. OKT telah berjalan ke bahagian belakang kereta dan pada masa yang sama SP5 turut bergerak ke arah belakang kereta tersebut. SP5 menyatakan OKT telah membuka bonet kereta tersebut dan menunjukkan serta mengangkat dua buah bag (eksibit P10 dan P11) yang terdapat dalam bonet kereta tersebut. Atas permintaan SP5, OKT telah meletakkan semula dua buah bag tersebut dan SP5 telah membuat pemeriksaan dalam dua buah bagi tersebut. SP5 melihat terdapat beberapa ketulan mampat daun kering disyakki ganja terdapat dalam dua buah bag tersebut setelah SP5 mengoyak sedikit balutan salah satu ketulan mampat tersebut. Ketulan-ketulan mampat daun kering tersebut dibalut dengan kertas timah dan juga plastik lutsinar serta diikat dengan tali. Setelah sah bahawa terdapat dadah ganja dalam P10 dan P11, SP5 terus memberikan isyarat kepada pasukan serbuan dengan mengusap rambutnya sebanyak 3 kali dengan tangan. Setelah isyarat diberikan, dua kenderaan pasukan serbuan telah datang dan menghimpit kereta Proton Wira JDT 3238 tersebut dan anggota serbuan

yang diketuai oleh SP7 terus meluru keluar sambil menjerit "polis". SP5 melihat OKT dan dua lagi rakannya terus melarikan diri masing-masing ke arah yang berlainan. Anggota serbuan telah mengejar tiga orang tersebut dan hanya berjaya menahan OKT seorang sahaja dalam jarak lebih kurang 40 meter dari tempat kereta Proton Wira JDT 3238 tersebut diletakkan.

7. Setelah OKT berjaya ditahan, beliau dibawa semula ke kereta JDT 3238 tersebut diletakkan. SP7 telah membawa OKT ke bahagian bonet belakang kereta tersebut dan SP7 telah membuat pemeriksaan ke atas dua buah bag P10 dan P11 tersebut dengan disaksikan oleh OKT. Dalam P10 dan P11, SP7 telah menemui sebanyak 15 ketulan mampat daun kering disyakki ganja. Pemeriksaan di bahagian dalam kereta JDT 3238 tersebut tidak ditemui apa-apa barang salah. 15 ketulan mampat daun kering disyakki ganja tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia dan disahkan oleh Ahli Kimia (SP4) sebagai dadah jenis cannabis seberat 14,900 gram, yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan terhadap OKT dalam kes ini. Laporan kimia oleh SP4 seperti di eksibit P12.

Hujahan Peguam Perayu

[5] Peguam perayu yang terpelajar, semasa perbicaraan rayuan kes ini telah menghadkan hujahannya kepada tiga isu sahaja. Isu-isu tersebut ialah:

(a) Pendekatan hakim bicara dalam kes ini adalah tidak selari dengan ucapan pembukaan pihak pendakwaan. Peguam terpelajar telah berhujah bahawa di dalam ucapan pembukaan (iaitu exh. P3) pihak pendakwaan hanya merujuk kepada aktiviti penjualan dadah dan tidak menyebut tentang isu pemilikan, sedangkan di akhir perbicaraan hakim bicara telah mensabitkan perayu selepas digunapakai anggapan di bawah s. 37(da) dan setelah memutuskan bahawa anggapan tersebut telah tidak dipatahkan oleh pihak pembelaan. Peguam seterusnya berhujah bahawa pendekatan oleh hakim bicara kepada suatu asas yang tidak dinyatakan dalam ucapan pembukaan telah menyebabkan suatu prejudis kepada perayu dan telah mengakibatkan suatu ketidakadilan yang tidak boleh diubati oleh s. 60 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 atau pun di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah. Untuk menyokong hujahan dalam isu ini, peguam terpelajar telah merujuk kepada kes *PP v. Sa'ari Jusoh* [2007] 2 CLJ 197.

(b) Kedua, peguam terpelajar telah membangkitkan isu kebolehpercayaan saksi SP5, D/Kpl 96755 Chew Kooi Hwa, iaitu ejen perangkap (agent provocateur) dalam kes ini. Peguam telah berhujah bahawa keterangan SP5 perlu diterima dengan waspada kerana: (i) terdapat percanggahan antara keterangan SP5 dengan keterangan SP7, C/Insp. Arsyad; (ii) semasa memberi keterangan, SP5 telah digantung kerja kerana terdapat pertuduhan pecah amanah terhadapnya, seperti yang terkandung dalam exh. DID22. Untuk menyokong hujahannya, peguam terpelajar telah merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan: *Mohd Johi Said & Anor v. PP* [2005] 1 CLJ 389.

(c) Ketiga, peguam terpelajar telah membangkitkan bahawa inferensi yang bertentangan (adverse inference) patut dikenakan ke atas kes pendakwaan, di atas kegagalan pihak pendakwa memanggil dua orang saksi material, iaitu seorang bernama Kamal Musa dan Mohamed Shafe'ie. Peguam terpelajar berhujah bahawa kegagalan untuk memanggil dua orang saksi ini telah menyebabkan cerita pendakwaan menjadi tidak lengkap hingga meyebabkan kelompongan serius (serious gap) dan meletakkan pembelaan di dalam keadaan yang merugikan (disadvantaged).

Dalam isu ketiga, ini juga peguam terpelajar telah mengadu bahawa walaupun saksi Mohamed Shafe'ie telah ditawarkan di akhir kes pendakwaan, penawaran itu tidak membawa makna kerana saksi tersebut tidak hadir di mahkamah semasa tawaran itu dibuat. Peguam merujuk kepada kes-kes Mahkamah Tinggi *PP v. A Rashid Ismail* [2001] 1 AMR 1149 untuk menyokong hujahan ini. Dan mengenai kegagalan memanggil saksi-saksi material, peguam terpelajar telah merujuk kepada kes *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1; *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138; dan *Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19.

Dapatan Mahkamah Ini

[6] Kami akan menghuraikan dapatan mahkamah ini ke atas ketiga-tiga hujahan yang telah disarankan mengikut susunan hujahan peguambela terpelajar, seperti yang dinyatakan di atas. Dapatan kami adalah seperti berikut:

(a) Ucapan pembukaan oleh pihak pendakwa, iaitu exh. P3, telah dikemukakan pada hari pertama bermulanya prosiding perbicaraan kes ini di Mahkamah Tinggi Johor Bahru pada

6 January 2009. P3 tersebut telah dikemukakan selaras dengan kehendak peruntukan s. 179(1) Kanun Tatacara Jenayah, yang mana ianya berbunyi seperti berikut:

> 179. (1) The officer conducting the prosecution shall open his case by stating shortly the nature of the offence charged and the evidence by which he proposes to prove the guilt of the accused.

Untuk meneliti sama ada bukti yang telah dikemukakan dalam perbicaraan ini telah menyimpang dari cadangan bukti yang dinyatakan dalam P3 dan telah memperjudiskan perayu, adalah elok diperturunkan apa yang dinyatakan di dalam ucapan pembukaan tersebut. Isi kandungan P3 berbunyi seperti berikut:

UCAPAN PEMBUKAAN

Dengan izin Yang Arif,

1. Kedua-dua tertuduh di dalam kes ini dihadapkan dengan satu pertuduhan dengan niat bersama mengedar sejumlah 14,900 gram Cannabis di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

2. Fakta kes pendakwaan akan menunjukkan bahawa tertuduh pertama telah terlibat dalam satu urusan jual beli dadah melibatkan seorang anggota Polis Di Raja Malaysia yang menyamar sebagai seorang pembeli dadah.

3. Menurut perjanjian, tertuduh pertama telah bersetuju untuk membekalkan 15 kilogram ganja kepada anggota Polis yang menyamar tersebut. Transaksi penyerahan dadah telah dipersetujui untuk diadakan di kawasan rehat Tol Skudai, Lebuhraya Utara-Selatan.

4. Pada masa dan di tempat yang telah dipersetujui, tertuduh pertama telah dilihat memandu sebuah kereta dan tertuduh kedua berada bersamanya ketika itu. Tertuduh pertama telah menunjukkan kepada anggota Polis penyamar dua buah beg yang diletakkan dalam boot kereta. Anggota penyamar tersebut telah mengesahkan dadah berbahaya ada dibawa dan seterusnya memberikan isyarat kepada anggota kumpulan serbuan yang sudah siap berada di sekitar kawasan tersebut.

A

5. Tertuduh pertama telah berjaya ditangkap setelah cuba melarikan diri tidak berapa jauh daripada kereta tersebut. Manakala tertuduh kedua pula telah berjaya melarikan diri pada hari tersebut. Tertuduh kedua hanya berjaya ditangkap beberapa hari selepas kejadian.

B

6. Seorang ahli kimia dari Jabatan Kimia Malaysia akan menerangkan bahawa hasil analisa yang telah beliau jalankan terhadap barang-barang kes yang telah dirampas dalam kes ini, beliau mengesahkan bahawa ianya adalah dadah berbahaya jenis Cannabis dengan berat bersih 14,900 gram.

C

7. Pihak pendakwaan akan menunjukkan melalui keterangan yang akan dibentangkan bahawa tertuduh pertama dan tertuduh kedua terlibat dalam satu urusan jual-beli dadah berbahaya dengan niat untuk mengedar dadah-dadah tersebut.

D

8. Pihak pendakwaan juga akan membuktikan bahawa rantaian keterangan tidak pernah terputus dari masa kejadian hinggalah ke hari perbicaraan di hadapan Yang Arif.

[7] Pada hemat kami isu mengenai ketiadaan cadangan bukti dalam P3 berkait dengan pemilikan (possession) hendaklah dilihat
E pula kepada takrif "trafficking" di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya, kerana perkataan-perkataan "membekalkan" dan "transaksi penyerahan dadah" ada disebut, khususnya dalam perenggan 3 ucapan pembukaan. Perkataan-perkataan tersebut menjelaskan tindakan-tindakan yang tergulung di bawah beberapa
F jenis tindakan yang disifatkan sebagai kegiatan mengedar. Seksyen 2 memberi definasi berikut berkait mengedar:

> "trafficking" includes the doing of any of the following acts, that is to say, manufacturing, importing, exporting, keeping,
G concealing, buying, selling, giving, receiving, storing, administering, transporting, carrying, sending, delivering, procuring, supplying or distributing any dangerous drug otherwise than under the authority of this Act or the regulations made under the Act;

[8] Pada pandangan kami juga beberapa jenis tindakan yang
H dinyatakan di dalam takrif "trafficking", seperti "keeping", "concealing", "giving", "receiving", "storing", "transporting", "carrying", "sending", "delivering", "supplying" dan "distributing", akan dengan sendiri menyentuh elemen pemilikan. Dari fakta kes ini aktiviti "membekalkan" dan "transaksi penyerahan-penyerahan
I dadah" adalah tindakan-tindakan yang melibatkan isu dan elemen pemilikan, kerana tanpa milikan aktiviti tersebut tidak boleh dilakukan.

[9] Dalam kes hari ini, adalah diperhatikan bahawa elemen milikan dan anggapan di bawah s. 37(da) hanyalah dinyatakan oleh hakim bicara di akhir kes pendakwaan selepas beliau berpuas hati dengan segala pembuktian intipati pertuduhan. Perkara ini dapat dilihat dalam para. 31 alasan penghakiman yang berbunyi:

> 31. Setelah menilai dan meneliti keseluruhan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan dalam kes ini secara penilaian yang maksimum, saya mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT atas pertuduhan yang dihadapkan kepada beliau. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan setiap intipati pertuduhan iaitu bahawa OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas barang kes ganja yang ditemui dalam bonet belakang kereta yang dipandu oleh OKT serta OKT mempunyai pengetahuan terhadap dadah tersebut berdasarkan kepada persetujuan beliau untuk menjual dadah sebanyak 15 kilogram kepada SP5 dan kehadiran OKT ke tempat kejadian adalah atas persefahamannya dengan SP5 untuk menyerahkan dadah tersebut di situ. Tindakan OKT yang melarikan diri apabila mendengar perkataan "polis" yang keluar dari mulut SP7 membolehkan inferen dibuat bahawa OKT ada pengetahuan *mens rea* terhadap dadah ganja yang terdapat dalam bonet kereta tersebut. Oleh kerana berat dadah yang terlibat melebihi berat minima, maka anggapan pengedaran di bawah seksyen 37(da) adalah terpakai terhadap OKT. Oleh itu saya memerintahkan OKT dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan yang dihadapkan kepada beliau.

[10] Oleh itu, kami berpendapat bahawa pendekatan yang diambil oleh hakim bicara berkait elemen pemilikan dan anggapan di bawah s. 37(da) adalah tidak memberi apa-apa kesan prejudis kepada perayu.

[11] Tambahan pula, dari turutan keterangan kes pendakwaan, keterangan untuk menjawab pertuduhan adalah memadai dengan direct evidence yang telah dikemukakan. Ini dapat dilihat dalam penemuan fakta oleh hakim bicara, seperti yang ditulis di ms 128 rekod rayuan yang berbunyi:

> Pihak pendakwaan telah membuktikan satu transaksi jual beli dadah ganja yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan di antara OKT dengan saksi penyamar sulit (SP5), iaitu satu aktiviti pengedaran dadah bagi maksud di bawah seksyen 2 Akta.

[12] Dan direct evidence ini adalah sejajar dengan apa yang dicadangkan di dalam P3. Dengan itu kami tidak dapat menerima hujahan peguambela di atas isu berkait ucapan pembukaan.

[13] Isu kedua ialah berkait kebolehpercayaan saksi SP5. Adalah tidak dipertikaikan bahawa SP5 adalah seorang ejen perangkap (agent provocateur) yang mana keterangannya boleh diterima mengikut peruntukan s. 40A Akta Dadah Berbahaya. Bantahan tentang kebolehpercayaan SP5 ini ditimbulkan oleh peguambela terpelajar atas alasan semasa SP5 memberi keterangan beliau adalah seorang anggota yang telah digantung kerja kerana menghadapi pertuduhan jenayah. Perkara ini ditimbulkan melalui apa yang dikatakan sebagai exh. DID22. Dokumen bertanda DID22, pada hemat kami bukanlah suatu "exhibit" yang boleh diterima sebagai keterangan untuk membuktikan kebenaran isi kandungannya, kerana ianya tidak dikemukakan dengan cara yang betul. Dokumen itu merupakan suatu "ID" sahaja, iaitu bagi tujuan pengecaman semata-mata (only for identification purposes). Yang anehnya perkara ini tidak diajukan kepada SP5 semasa beliau memberi keterangan. Perkara ini hanya ditimbulkan semasa soal-balas pegawai penyiasat, SP6. Sepatutnya perkara-perkara untuk mempersoalkan kebolehpercayaan saksi haruslah dibuat semasa soal-balas saksi itu sendiri. Ini adalah seperti yang diperuntukan di bawah s. 146 dan s. 132 Akta Keterangan 1950. Dari rekod prosiding juga, tidak kelihatan apa-apa cubaan oleh peguambela untuk memanggil semula SP5 bagi tujuan tersebut. Jika diteliti dokumen bertanda DID22 pula, adalah didapati pertuduhan jenayah itu adalah berkaitan dengan suatu kejadian pecah amanah yang ditomahkan berlaku pada bulan Jun 2006; walhal kejadian dalam kes ini berlaku jauh sebelum itu, iaitu pada 2 Ogos 2002. Justeru itu, kami berpendapat isu character jahat SP5 adalah tidak relevan bagi tujuan mempersoalkan kebolehanpercayaannya. Tambahan pula soal kebolehanpercayaan adalah suatu penilaian yang diboleh dibuat oleh hakim bicara yang melihat dan mendengar keterangan.

[14] Kes *Mohd Johi Said* yang dirujukkan oleh peguambela terpelajar adalah jauh berbeza dengan kes rayuan ini, kerana di dalam kes *Mohd Johi Said* tersebut saksi SP3 yang merupakan seorang ejen perangkap telah disemukakan (confronted) dengan suatu bahan bukti yang bertentangan dengan apa yang nyatakan oleh saksi itu.

[15] Justeru itu kami tidak nampak bagaimana hakim bicara boleh disifatkan sebagai khilaf apabila tidak mengambil kira isi kandungan DID22 bagi tujuan menilai kebolehanpercayaan SP5. Oleh itu kami dapati hujahan peguambela berkaitan isu ini adalah tidak bermerit.

[16] Isu terakhir, iaitu berkait kegagalan untuk memanggil dua orang saksi yang telah mengakibatkan kelompongan dalam kes pendakwaan serta boleh mewujudkan inferensi bertentangan. Mengenai saksi pertama yang tidak dipanggil, iaitu Kamal Musa, adalah jelas dari keterangan pegawai penyiasat, SP6, bahawa Kamal Musa adalah tuan berdaftar kereta JDT 3238, dan ianya tidak dapat dikesan. Keterangan SP6 mengenai hal ini dapat dilihat di ms 43 rekod rayuan yang menyatakan:

> Pada 7/8/2002, saya telah membuat semakan melalui JPJ link untuk semak pemilik asal kenderaan JDT 3238. Didapati motokar ini didaftarkan atas nama Kamal bin Musa. Saya juga semak motosikal no. JGB 7166 didapati atas nama Mohamed Shafe'ie b. Kutty Asa. Ya, ini carian JPJ untuk kereta JDT 3238 itu. Dikemukakan dan ditandakan sebagai P19. Ya, ini carian JPJ untuk motosikal JGB 7166. Dikemukakan dan ditandakan sebagai P20.
>
> Pada 9/8/2002, saya telah berusaha untuk mengesan pemilik motokar JDT 3238 yang bernama Kamal b. Musa di alamat No. 5, Jalan Songkit 6, Taman Anjaria, Kulai. Saya jumpa pemilik rumah bernama En. Kasdi b. Rusli yang memaklumkan Kamal Musa menantunya yang dikatakan menyewa sebuah rumah di Taman Gunung Kuali. Pada10/8/2002, saya telah pergi ke rumah No. 463, Jalan Gangsa 8, Taman Gunung, Pulai untuk mengesan Kamal b. Musa. Apabila sampai saya dapati pintu rumah berkunci dan tidak ada penghuni. Saya tanya kepada jiran sebelah rumah ini dan berjumpa dengan Harlina bt. Abdul Halim yang kata Kamal b. Musa telah keluar daripada rumah selepas kejadian rampasan dadah dibuat. Saya telah rakam percakapan Harlina bawah seksyen 112 KAJ;

dan seterusnya di ms 44:

> Pada 15/1/2004, saya sekali lagi pergi ke alamat no. 5, Jalan Songkit 6 dan jumpa dengan En. Kasdi yang memaklumkan kepada saya Kamal Musa lama tidak balik rumah sejak kejadian itu.

[17] Mengenai saksi kedua, Mohamed Shafe'ie pula, mengikut rekod prosiding, khususnya di ms 55, adalah jelas saksi tersebut telah ditawarkan kepada pihak pendakwaan. Saksi tersebut ialah

saksi No. 4 dari jumlah 13 saksi-saksi yang ditawarkan, di akhir kes pendakwaan. Dari nota prosiding juga adalah jelas pihak peguambela telah menolak tawaran tesebut, dengan menyatakan beliau "tidak memerlukan kesemua saksi ini", dan lantas mahkamah telah melepaskan semua saksi yang ditawarkan. Tidak ada rekod yang menunjukkan saksi-saksi tidak wujud atau timbul apa-apa isu tentang kewujudan mereka semasa saksi-saksi tersebut ditawarkan. Dalam keadaan sedemikian, kami berpendapat nas-nas undang-undang yang dirujuk oleh peguambela adalah tidak relevan dan tidak berketetapan dengan fakta dalam kes rayuan ini.

[18] Tambahan pula, kegagalan untuk memanggil saksi-saksi ini tidak menjejaskan kes pendakwaan, yang jika diimbas kembali, ianya berlandas kepada transaksi jual-beli dadah yang dibekalkan oleh perayu. Ada cukup keterangan bahawa dadah yang akan dibekalkan itu berada di dalam kereta JDT 3238, yang dipandu oleh perayu pada masa kejadian.

[19] Oleh itu, kami dapati hujahan ketiga peguambela terpelajar adalah juga tidak bermerit.

Penutup

[20] Dengan alasan-alasan di atas, kami dapati tiada sebab untuk diubah keputusan hakim bicara dalam kes ini. Dari keterangan yang ada adalah juga didapati bahawa sabitan terhadap perayu adalah selamat. Justeru itu, dengan sebulat suara, mahkamah ini menolak rayuan perayu. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi Johor Bahru terhadap perayu adalah dengan ini disahkan dan dikekalkan.